

**HUBUNGAN PENCAPAIAN PENTAKSIRAN KERJA KURSUS DENGAN PENCAPAIAN  
PEPERIKSAAN AKHIR KURSUS MUZK3093 KAEDAH DAN PENDEKATAN  
PENGAJARAN MUZIK BAGI PROGRAM SARJANA MUDA  
DI INSTITUT PENDIDIKAN GURU**

**Lim Zek Chew, PhD, Edna Wellington**

**Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas**

[zek\\_chew@ipgkik.edu.my](mailto:zek_chew@ipgkik.edu.my)

[edna@ipgkik.edu.my](mailto:edna@ipgkik.edu.my)

**Abstrak**

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui sama ada terdapat hubungan di antara pencapaian pentaksiran kerja kursus dan pencapaian peperiksaan akhir semester bagi kursus MUZK3093 Kaedah dan Pendekatan Pengajaran Muzik yang ditawarkan pada semester tiga kepada siswa guru jurusan Pendidikan Muzik sesi Jun – November 2017 di Institut Pendidikan Guru. Seramai 26 siswa guru terlibat sebagai sampel dalam kajian ini. Kajian ini memberi fokus kepada pencapaian pentaksiran kerja kursus dan pencapaian peperiksaan akhir serta bagaimana kerja kursus membantu dalam meningkatkan markah peperiksaan akhir. Data yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Packages for Social Science 23.0 (SPSS)* di mana ujian korelasi Pearson digunakan untuk melihat tahap hubungan ini. Didapati markah kerja kursus adalah lebih tinggi daripada markah peperiksaan akhir dan analisis dengan ujian korelasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan tetapi sederhana positif antara pencapaian pentaksiran kerja kursus dan pencapaian peperiksaan akhir. Satu soal selidik dikendalikan untuk melihat faktor-faktor yang menyumbang kepada hubungan ini.

Kata kunci: kerja kursus, peperiksaan, penilaian, korelasi